



22 November 2012  
22 November 2012  
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA,  
PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA)  
(PINDAAN) 2012

*UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (VARIATION OF,  
AND ADDITION TO, THE CONSTITUTION)  
(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (AMENDMENT)  
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN)  
(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Sains Malaysia) (Pindaan) 2012.**

**Pindaan Jadual**

2. Jadual kepada Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Sains Malaysia) 2011 [P.U. (A) 222/2011] dipinda—

(a) dalam butiran 14, dengan menggantikan butir-butir dalam ruang (2) dengan butir-butir yang berikut:

'Nomborkan semula sebagai seksyen 15.

Gantikan dengan yang berikut:

**"Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang,  
Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman**

15. (1) Seorang Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan yang

mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut

(2) Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.".';